

Program 'Jom Masuk U' Pembuka Tirai Aktiviti Promosi Prasiswazah 2009



Oleh: ROSILAVI MAT JUSOH

Bagian Pengurusan Akademik (BPA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) membuka tirai aktiviti Promosi Prasiswazah bagi tahun 2009 dengan menyertai Program Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) 2009, bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 16 hingga 18 Januari yang lalu.

Program tahunan itu telah dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

Pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT) boleh mendapatkan pelbagai maklumat di Karnival Pengajian Tinggi Negara 2009 di lapan zon seluruh negara bermula 16 Januari hingga 5 April depan.

Karnival yang disertai oleh semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Agensi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) itu melibatkan program pameran dan juga forum.

UMP juga turut menjadi tuan rumah bagi zon 4 meliputi kawasan Pahang, Kelantan dan Terengganu pada 27 Februari hingga 1 Mac 2009.

Karnival yang bertemakan 'Kecemerlangan Pendidikan Teras Pembangunan Modal Insan' dengan slogan 'JOM MASUK U' itu berperanan sebagai pusat sehenti mendapatkan maklumat pendidikan tinggi, akreditasi serta pembiayaan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan setaraf serta Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan setaraf.

UMP turut mengambil peranan dalam penganjuran program itu dengan menyebarkan maklumat tepat dan terkini mengenai program pengajian yang ditawarkan oleh universiti serta program pengajian baharu kemasukan Sesi Akademik 2009/2010.

Bidang yang diberi fokus dalam program ini ialah Kejuruteraan, Teknologi, Bioteknologi, Sains Asas dan Sains Gunaan bagi memperluaskan lagi bidang dan program pengajian yang akan dipilih oleh pelajar.

Bagi perancangan aktiviti program promosi untuk tahun 2009, BPA telah merancang untuk mengadakan *road show* ke seluruh negara bagi mempromosikan jenama UMP kepada kumpulan sasaran yang telah dikenal pasti.